

28 APR 1996

Mahathir-Keamanan

NEGARA MAJU BILA AMAN, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 28 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan rakyat tentang perihalnya pentingnya keamanan dikekalkan.

Beliau berkata keamanan menjamin negara mencapai kemajuan dan rakyat dapat terus hidup dalam kemakmuran.

"Apabila kita maju barulah boleh kita membantu rakyat negara lain seperti rakyat Islam Bosnia-Herzegovina yang memerlukan pertolongan saudara Islam mereka," katanya pada majlis Hari Raya Aidiladha di Masjid Kubur Panjang, kira-kira 30 km dari sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata bahawa Malaysia adalah antara segelintir negara Islam yang sanggup tampil ke hadapan untuk membantu negara itu.

Malaysia bukan sahaja menyediakan pasukan tentera untuk mengembalikan keamanan di negara itu, malahan membekal pelbagai bantuan kewangan dan kemanusiaan, katanya.

"Apa maknanya persaudaraan Islam jika kita tidak mahu menolong orang Islam lain," katanya.

Perdana berkata Malaysia tidak mungkin dapat melakukan semua ini sekiranya negara tidak aman dan dalam keadaan huru-hara.

Beliau mengingatkan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum dan menganut pelbagai agama supaya menjadikan persengketaan di Bosnia-Herzegovina sebagai teladan.

"Kita perlu sentiasa bersyukur yang kita dapat hidup dalam suasana yang aman dan rukun damai, tidak seperti di sana (Bosnia) yang bermusuhan walaupun (penduduk) dari satu bangsa dan bertutur bahasa yang sama," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat sekiranya rakyat di negara itu dapat bekerjasama, sudah tentu negara mereka tetap maju dan kemakmurannya dapat diagihkan kepada semua penduduk.

Beliau berkata: "Kita mesti insaf dengan keadaan itu ... bersyukur yang kita diberi nikmat dan keamanan. Kalau dibanding dengan mereka (di Bosnia), kita seperti hidup di syurga.

"Masalah yang kita hadapi, jika dibandingkan dengan masalah mereka, amat kecil.

"Kita bersyukur kita hidup rukun damai ... ini cara kita. Apa gunanya kalau berlaku perkelahian dan permusuhan seperti yang berlaku di Bosnia kerana peperangan tidak menguntungkan mana-mana pihak."

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Terdahulu daripada itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah mengadakan rumah terbuka Aidiladha di Dewan Jitra.

Pada perayaan tahun ini, Dr Mahathir melakukan korban empat ekor lembu dengan setiap seekor untuk Masjid Tanjung Pauh, Masjid Tunjang, Masjid Titi Gajah dan Masjid Kubur Panjang.

Mereka bertolak pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- BERNAMA

MFJ PR